

31/10/2003

60 peratus kontrak kerajaan untuk Bumiputera

By Azizi Othman

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memberikan sekurang-kurang 60 peratus daripada perolehan dan kerja-kerja kontrak dalam projeknya kepada Bumiputera bagi meningkatkan penyertaan golongan itu dalam sektor perniagaan.

Pada masa yang sama, kerajaan akan menubuhkan sebuah institusi pelaburan Bumiputera baru, dikenali Dana Harapan bagi meningkatkan kadar hak milik modal saham oleh golongan itu.

Dua dasar baru ini adalah antara 10 teras strategi tumpuan kerajaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyedari usaha meningkatkan ekuiti Bumiputera dalam tempoh dua tahun akan datang menjadi lebih mencabar berikutan globalisasi dan liberalisasi pasaran yang lebih luas.

"Sehubungan itu, lebih banyak usaha diperlukan untuk menyediakan peluang kepada Bumiputera dalam sektor terpilih jika sasaran 30 peratus ekuiti Bumiputera menjelang 2010 ingin dicapai," kata Dr Mahathir, pada sidang Parlimen terakhirnya sebagai Perdana Menteri.

Beliau berkata, perolehan dan kerja kontrak kerajaan untuk diberi kepada Bumiputera itu terhad kepada mereka yang sudah menunjukkan kecekapan dan bertanggungjawab dalam melaksanakan projek sebelum ini.

Dana Harapan pula, katanya, akan menarik dan menggerakkan sumber kewangan Bumiputera menerusi pengenalan keluaran unit amanah yang inovatif dan mengembangkan lagi peluang pelaburan golongan itu.

Hak milik modal saham Bumiputera meningkat 7.8 peratus setahun sepanjang tempoh 2000 hingga 2002, daripada RM63 bilion kepada RM73.2 bilion tetapi susut kepada 18.7 peratus tahun lalu daripada 18.9 peratus pada tahun 2000.

Katanya, peratusan hak milik modal saham oleh masyarakat Cina meningkat 1.2 peratus setahun sepanjang 2001 dan 2002 kepada RM159.8 bilion manakala ekuiti masyarakat India meningkat 7.6 peratus kepada RM6 bilion sepanjang tempoh itu.

Dalam membentangkan kajian separuh penggal itu, Dr Mahathir menggariskan 10 strategi teras yang akan diguna pakai kerajaan dalam usaha menjadikan Malaysia negara berdaya tahan dan terus maju.

Usaha itu membabitkan tumpuan kerajaan untuk mencapai pertumbuhan seimbang dan mapan bagi membina sebuah negara yang bersatu padu, adil, berdaya tahan dan berdaya saing dalam tempoh dua tahun akan datang.

Antara strategi itu ialah memperkukuh asas ekonomi makro, memperkuat ekonomi menghadapi kejutan, meningkatkan daya saing, menggiat pelaburan swasta, meneroka sumber pertumbuhan baru, menambah mutu sumber manusia dan menyemai nilai hidup murni.

Dr Mahathir berkata, pertumbuhan ekonomi negara kini adalah membanggakan walaupun ia terjejas akibat keadaan persekitaran dan ekonomi global yang bergolak dalam tempoh tiga tahun pertama RM-8.

Dalam tempoh tiga tahun pertama RM-8, kerajaan terpaksa mengambil langkah kitaran balas atau 'conter cyclical' untuk membendung kesan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan dan kelembapan aktiviti swasta.

"Hasil tindakan dasar fiskal yang mengembang, 99.3 peratus daripada siling asal perbelanjaan pembangunan RM-8 sebanyak RM110 bilion akan habis dibelanjakan menjelang akhir tahun ini," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan bercadang menambah siling pembangunan RM-8 sebanyak RM50 bilion kepada RM160 bilion dengan lebih 80 peratus daripadanya akan disalurkan kepada sektor ekonomi dan sosial.

"Penambahan ini bermaksud bahawa bagi dua tahun akan datang, purata perbelanjaan pembangunan ialah sebanyak RM25.4 bilion setahun, iaitu bersamaan purata paras perbelanjaan pembangunan tahunan sebelum ekonomi mengalami kelembapan," katanya.

Beliau berkata, pendidikan dan latihan menerima peruntukan tertinggi iaitu sebanyak lebih 25 peratus peruntukan pembangunan manakala kesihatan (5.9 peratus), perumahan (3.9 peratus), dan pihak berkuasa tempatan serta kebajikan (5.0 peratus).

Perdana Menteri juga mengumumkan kerajaan tidak lagi akan melaksanakan projek pembangunan secara rundingan terus, kecuali dalam keadaan tertentu bagi menyekat kenaikan kos projek pembangunan.

"Kontrak untuk projek pembangunan akan hanya dilaksanakan sama ada secara tender terbuka atau terhad kerana kini sudah ramai kontraktor Bumiputera yang cekap dan mereka perlu bersaing," katanya.

Sepanjang tempoh dua tahun terakhir RM-8, kerajaan akan melaksanakan usaha untuk memajukan sistem kewangan Islam, termasuk perbankan dan pasaran modalnya sebagai pasaran khusus yang strategik.

"Kita akan memperkenalkan lebih banyak produk yang inovatif dan sejajar ajaran Islam di samping menambah produk asas dengan menggerakkan aset Islam yang belum digunakan," katanya.

Mengenai usaha membangunkan sumber pertumbuhan baru, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan membantu penubuhan syarikat perdagangan ala 'sogo syosha' Jepun bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana tempatan memasarkan produk ke luar negara.

Bagi sektor perkhidmatan pula, kerajaan akan mengambil pelbagai langkah memperkukuhkan industri pelancongan bagi meningkatkan lagi sumbangannya kepada pendapatan tukaran wang asing negara.

(END)